

SISTEM PROFIL KERJAYA UKM

SASHA SHAMSUDDIN LEE

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

2019

## ABSTRAK

UKM Karier telah ditubuhkan sejak tahun 2014 yang bertujuan untuk membimbing pelajar dalam kerjaya mereka. Visi yang dipegang oleh UKM Karier adalah bertekad untuk menjadi pusat yang berupaya memacu dan menyerlah kompetensi dan keterampilan graduan UKM di peringkat nasional dan di persada antarabangsa, sekaligus meningkatkan tahap kebolehkerjaan graduan UKM. Untuk misi, UKM Karier ingin menjadi satu pusat yang menyediakan perkhidmatan dan program pembangunan kerjaya yang berkualiti dan mampu melahirkan graduan berkebolehpasaran tinggi. UKM Karier telah berjalan dan membangun dengan teguh sejak ditubuhkan pada tahun 2014. Namun begitu, UKM Karier tidak mempunyai pangkalan data sendiri untuk menyimpan data pelajar yang telah mendaftar dan menjawab soalan-soalan kerjaya yang disediakan. Proses ini dilakukan secara manual dan memakan masa yang lama untuk dikemaskini. Oleh tu, sebuah sistem iaitu Sistem Profil Kerjaya UKM akan dibangunkan untuk membolehkan pelajar mendaftar dan melengkapkan maklumat mereka melalui sistem ini. Selain ini, fungsi utama sistem ini ada membolehkan pelajar menjawab soalan-soalan kerjaya melalui sistem ini. Setelah pelajar menjawab soalan-soalan tersebut, sistem akan terus menjana keputusan soalan tersebut untuk maklumkan kepada pelajar peratus kesediaan mereka. Sistem ini akan dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP kerana ia merupakan sebuah platform laman web. Manakala, MySQL, *phpmyadmin* digunakan untuk pangkalan data. Sistem ini amat ringkas dan mudah untuk difahami oleh pengguna.

## ABSTRACT

UKM Career was built and established in 2014 for the purpose of guiding students for their future career. The vision that UKM Career holds is to be a centre that strives to drive and enhance the competencies and skills of UKM graduates globally. For the mission, UKM Career wants to be a centre that provides career development services and programs to produce opportunities for graduates to have high-paying salaries. UKM Career has been rapidly growing. However, UKM Career still does not have its own database to store students' information and the results of students who have answered the career questions. The current process is done manually, and it takes a long time for each process. Therefore, a system called UKM Career Profile System will be developed to enable students to register and complete their information through this system. In addition, it will also enable students to answer career questions through this system. Once the students have answered the questions, the system will continue to generate the results and inform the students. This is a web-based system; therefore, it will be developed using the language PHP, and MySQL, phpmyadmin as database. It is a user-friendly system.

## 1 PENGENALAN

Pada era kini dimana teknologi semakin canggih serta maju kedepan telah menyebabkan penggunaan web sebagai satu medium pengantara dimana dapat menyatukan pengguna dengan sistem yang bertujuan untuk berkongsi maklumat yang seiring dengan trend masa kini yang berlandaskan teknologi maklumat. Penggunaan web dapat memudahkan pengguna kerana ia menjimatkan masa serta tenaga. Sistem berasaskan web ini boleh diakses dimana sahaja dengan menggunakan jaringan internet. Melalui teknologi maklumat ini, manusia terutamanya pelajar boleh meningkatkan ilmu pengetahuan serta mendapat pelbagai jenis maklumat yang dicari dengan mudah.

Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat, kebanyakan rakyat Malaysia mempunyai telefon pintar dan computer riba yang diguna pakai di mana sahaja tidak kira masa. Kewujudan kedua-dua medium pengantara ini telah banyak memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat dengan cepat dan pantas. Di samping itu, pengguna dapat melayari pelbagai laman sesawang bagi memudahkan sebarang pencarian yang hendak dilakukan terutamanya yang melibatkan sektor pelajaran dan kerjaya.

Sistem Profil Kerjaya UKM merupakan sebuah system berasaskan web (teknik pemprofilan data) yang menjadi medium kepada pelajar UKM sendiri untuk mengetahui bahawa mereka sudah bersedia untuk kerjaya mereka atau tidak melalui soalan-soalan yang akan dipaparkan. Sistem ini telah dibangunkan bagi memudahkan pelajar untuk mengetahui status kesediaan mereka untuk kea lam pekerjaan. Selain itu, sistem ini juga akan menyimpan data-data pelajar yang telah mendaftar diri bagi memudahkan kakitangan di UKM Karier untuk mengenalpasti pelajar-pelajar tersebut.

## 2 PERNYATAAN MASALAH

Sistem ini dibangun untuk pelajar tahun akhir yang bakal ke latihan industri. Selain tempat menimba ilmu, universiti juga merupakan tempat yang memastikan pelajar bersedia untuk ke alam pekerjaan. Namun begitu, majoriti pelajar mengambil remeh tentang perkara ini kerana mereka merasakan bahawa masih awal untuk mereka memikirkan tentang kerjaya mereka. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar yang mengambil serius tentang kerjaya mereka. Oleh itu, UKM telah mengambil langkah dengan menubuhkan UKM Karier yang bertujuan untuk membimbing pelajar dalam karier mereka. Walaupun UKM Karier telah ditubuhkan sejak tahun 2014, tetapi mereka masih tidak mempunyai sistem pangkalan data mereka sendiri yang menyimpan data pelajar yang telah mendaftar dan menjawab soalan-soalan yang disediakan. Proses dilakukan secara manual dan memakan masa yang lama untuk kakitangan UKM Karier dan juga pelajar. Ini merupakan antara factor utama mengapa pelajar malas mengambil tahu kerana mereka harus ke Pusanika untuk bertanya atau menjawab soalan-soalan berkaitan kerjaya mereka. Mereka merasakan bahawa ini mengambil masa dan tenaga mereka. Selain itu, kakitangan UKM Karier juga harus mengemaskini dan menguruskan semua borang-borang tersebut secara manual.


## 3 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian adalah untuk membangunkan Sistem Profile Kerjaya UKM. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Merekabentuk sebuah sistem yang boleh mengira peratus kesediaan pelajar terhadap kerjaya mereka.
- ii. Membangunkan Sistem Profil Kerjaya UKM.

#### 4 METOD KAJIAN

Metodologi yang akan digunakan untuk membangunkan Sistem Profil Kerjaya ialah Model Tambahan (Incremental). Model Tambahan adalah satu proses pembangunan perisian di mana setiap keperluan perisian akan dipecahkan kepada komponen yang lebih kecil dan setiap komponen yang kecil akan melalui proses kitaran perisian yang bertahap dan sistematik yang dipanggil kenaikan. Seterusnya, keperluan perisian yang dipecahkan kepada komponen kecil akan melalui fasa kitaran perisian di setiap increment iaitu bermula daripada fasa analisis, rekabentuk, pembangunan atau pengaturcaraan dan pengujian.



Rajah 1.1 Model Tambahan

Komponen sistem yang paling kritikal akan dipilih dahulu untuk dibangunkan di kenaikan yang pertama dan diikuti dengan komponen yang seterusnya berdasarkan keutamaan dan tahap kesukaran komponen itu sendiri. Setiap kenaikan akan mengeluarkan satu prototaip yang telah siap dan boleh digunakan oleh pengguna untuk tujuan penambahbaikan. Dengan menggunakan model ini, sistem akan dibangunkan dengan lebih sistematik iaitu komponen yang kritikal akan dibangunkan terlebih dahulu dan seterusnya supaya produk akhir dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

#### **4.1 Fasa Analisis**

Fasa analisis adalah fasa untuk mengenalpasti masalah, merangka objektif kajian, skop projek dan merangka jadual pembangunan sistem. Selain itu, dalam fasa ini, kajian yang mendalam akan dilakukan berdasarkan masalah yang ingin diselesaikan yang bertujuan untuk mencari keperluan pengguna dan juga keperluan sistem. Oleh itu, beberapa kaedah akan digunakan seperti temuduga, brainstorming dan juga kaedah soal selidik. Seterusnya, hasil dapatan kajian akan didokumentasikan bertujuan untuk kegunaan untuk fase yang seterusnya.

#### **4.2 Fasa Rekabentuk**

Fasa rekabentuk bermula apabila semua keperluan pengguna dan keperluan sistem telah dikenalpasti. Di dalam fasa ini, aktiviti yang akan dilakukan ialah merekabentuk seni bina sistem. Seterusnya, melakar dan merekabentuk model-model grafik. Selain itu, menyediakan model-model visual untuk graf yang akan digunakan untuk visualisasi data di dalam sistem ini. Pada fasa ini, gambaran jelas pembangunan projek dalam dilihat sebelum dibangunkan.

#### **4.3 Fasa Pembangunan/Pengkodan**

Di dalam fasa ini, projek pembangunan sistem akan bermula menggunakan perisian dan perkakasan yang telah ditetapkan. Seterusnya merekabentuk dan menulis kod yang sesuai untuk sistem hasil daripada proses rekabentuk yang telah dijalankan.

#### **4.5 Fasa Penilaian**

Di dalam fasa ini, sistem yang telah siap dibangunkan akan melalui beberapa proses pengujian. Pengujian ini dijalankan adalah untuk memastikan sistem yang dibangunkan tidak mempunyai sebarang kesalahan atau ralat. Pengujian akan dijalankan dalam dua bentuk iaitu pengujian Alpha dan pengujian Beta. Pengujian Alpha akan dijalankan oleh penguji yang bertaualiah seperti pensyarah dan sebagainya. Seterusnya, pengujian Beta akan dijalankan oleh pengguna dan juga pelanggan yang akan menggunakan sistem ini.

## 5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil daripada proses pembangunan Sistem Profil Kerjaya UKM. Ia akan memberi gambaran mendalam tentang reka bentuk sistem tersebut. Fasa reka bentuk adalah fasa yang penting dalam pembangunan sesuatu projek. Sistem Profil Kerjaya UKM telah dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP. Ia merupakan skrip bahasa pelayan yang percuma dan fleksibel sehingga menyebabkan ia mudah untuk dibangunkan. Ia juga menyediakan extension dan plugin yang mempunyai fungsi tersendiri bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pembangunan sistem berasaskan PHP. Untuk melancarkan sistem ini, perisian asas seperti *web server* dan database diperlukan bagi membolehkan laman web dibangunkan secara dinamik. Bagi pembangunan projek ini, MySQL, telah digunakan untuk menyimpan maklumat ke pangkalan data. Pangkalan data diuruskan oleh perisian pangkalan data iaitu *phpMyAdmin*.

### Pengguna Pelajar



**Sistem Profil Kerjaya UKM**

 UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
National University of Malaysia

**Emel**  
Masukkan alamat emel

**Kata Laluan**  
Masukkan kata laluan

Login

Register

Rajah 5.1 Log Masuk Pelajar



**PELAJAR**

A172349@siswa.ukm.edu.my

### Maklumat UKM Karier

- Soalan Kerjaya
- Maklumat Diri
- Keputusan Soalan Kerjaya

## Latar Belakang UKM Karier

**VISI**

UKM-Karier bertekad menjadi pusat yang berupaya memacu dan menyerlahkan kompetensi dan keterampilan graduan UKM di peringkat nasional dan di persada antarabangsa, sekali gus meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan UKM.

**MISI**

Menjadi satu pusat yang menyediakan perkhidmatan dan program pembangunan kerjaya yang berkualiti dan mampu melahirkan graduan berkebolehpasaran tinggi.

**OBJEKTIF**

Menjadi satu pusat yang menyediakan perkhidmatan dan program pembangunan kerjaya yang berkualiti dan mampu melahirkan graduan berkebolehpasaran tinggi.

- Mengkaji, menganalisis dan menyediakan maklumat terkini mengenai status kebolehpasaran bakal graduan mengikut bidang pengkhususan masing-masing.
- Mentadbir sistem maklumat kerjaya graduan secara atas talian dan bersifat interaktif.
- Menyedia dan menyelaras program pembangunan kerjaya dan perkhidmatan kaunseling.
- Mewujud dan memperkukuh jaringan dengan pihak fakulti, industri dan pihak berkepentingan.
- Menawarkan dan menyelaras kursus CITRA yang berkaitan dengan pembangunan kerjaya.

Copyright © Universiti Kebangsaan Malaysia 2020

Rajah 5.2 Laman Utama Pelajar

### Daftar Akaun

Nama Penuh  
Masukkan nama penuh

Email  
Masukkan e-mel pengira

Alamat Rumah  
Masukkan alamat rumah

Nombor Telefon  
Masukkan nombor telefon

Tarikh Lahir  
dd/mm/yyyy

Tahun Pengajian  
 1  
 2  
 3  
 4

Fakulti Pengajian  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Kos Pengajian  
Masukkan kos pengajian

Kata Laluan  
Masukkan kata laluan

Pengesahan Kata Laluan  
Masukkan semula kata laluan

Copyright © Universiti Kebangsaan Malaysia 2020

Rajah 5.3 Daftar Akaun Baharu

**PELAJAR**

Maklumat UKM Karier

Soalan Kerjaya

Maklumat Diri

Keputusan Soalan Kerjaya

A172349@siswa.ukm.edu.my

## Maklumat Diri

Nama Penuh: Sasha Shamsuddin Lee

Alamat Emel: A172349@siswa.ukm.edu.my

Alamat Rumah: NO. 39 JALAN 3/1 TAMAN KOSAS

No. Tel: 126241920

Tarikh Lahir: 1997-01-14

Tahun Pengajian: 4

Fakulti Pengajian: ftsm

Kos Pengajian: seis

Kata Laluan: 123456

**KEMASKINI**

Rajah 5.4 Maklumat Diri Pelajar

**PELAJAR**

Maklumat UKM Karier

Soalan Kerjaya

Maklumat Diri

Keputusan Soalan Kerjaya

A172349@siswa.ukm.edu.my

### Kemaskini Maklumat Diri

Nama Penuh  
Sasha Shamsuddin Lee

Email  
A172349@siswa.ukm.edu.my

Alamat Rumah  
NO. 39 JALAN 3/1 TAMAN KOSAS

Nombor Telefon  
126241920

Tarikh Lahir  
14/01/1997

Tahun Pengajian  
4

Fakulti Pengajian  
ftsm


Kos Pengajian  
seis

Kata Laluan  
\*\*\*\*\*


**KEMASKINI** **BATAL**

Copyright © Universiti Kebangsaan Malaysia 2020

Rajah 5.5 Paparan Maklumat Diri Pelajar



Rajah 4.6 Laman Utama Soalan Kerjaya



Rajah 5.7 Menjawab Soalan Kerjaya

**PELAJAR**

A172349@siswa.ukm.edu.my

**Kemahiran Penyesuaian Kerjaya (Career Adapt Ability)**

**Berjaya Menjawab Soalan Kerjaya**  
Tahniah! Anda telah berjaya menjawab semua soalan.

Final Score: 24

Jawab Semula

Copyright © Universiti Kebangsaan Malaysia 2020

Rajah 5.8 Keputusan Akhir

**PELAJAR**

A172349@siswa.ukm.edu.my

Adakah anda pasti?

Sila tekan "Log Keluar" di bawah jika anda sudah bersedia untuk log keluar.

Batal Log Keluar

Alamat Emel: A172349@siswa.ukm.edu.my

Alamat Rumah: NO. 39 JALAN 3/1 TAMAN KOSAS

No. Tel: 126241920

Tarikh Lahir: 1997-01-14

Tahun Pengajian: 4

Fakulti Pengajian: ftsm

Kos Pengajian: seis

Kata Laluan: 123456

KEMASKINI

Rajah 5.9 Log Keluar Pelajar

## Pengguna Kakitangan

Sistem Profil Kerjaya UKM

UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*National University Of Malaysia*

Masukkan alamat emel...

Kata Laluan

Log Masuk

Rajah 5.10 Log Masuk Kakitangan

KAKITANGAN

Maklumat UKM Karier

Maklumat Diri

Senarai Pelajar

zainda@gmail.com

Latar Belakang UKM Karier

JUMLAH PELAJAR BERDAFTAR

7 Pelajar

VISI

UKM Karier bertekad menjadi pusat yang berupaya memacu dan menyerlah kompetensi dan keterampilan graduan UKM di peringkat nasional dan di persada antarabangsa, sekaligus meningkatkan tahap keboleherjaan graduan UKM.

MISI

Menjadi satu pusat yang menyediakan perkhidmatan dan program pembangunan kerjaya yang berkualiti dan mampu melahirkan graduan berkebolehpasaran tinggi.

OBJEKTIF

Menjadi satu pusat yang menyediakan perkhidmatan dan program pembangunan kerjaya yang berkualiti dan mampu melahirkan graduan berkebolehpasaran tinggi.

- Mengkaji, menganalisis dan menyediakan maklumat terkini mengenai status kebolehpasaran bakal graduan mengikut bidang pengkhususan masing-masing.
- Mentadbir sistem maklumat kerjaya graduan secara atas talian dan bersifat interaktif.
- Menyedia dan menyelaras program pembangunan kerjaya dan perkhidmatan kaunseling.
- Mewujud dan memperkukuh jaringan dengan pihak fakulti, industri dan pihak berkepentingan.
- Menawarkan dan menyelaras kursus CITRA yang berkaitan dengan pembangunan kerjaya.

Copyright © Your Website 2019

Rajah 5.11 Semak Laman Utama Kakitangan

**KAKITANGAN**

zalista@gmail.com

## Maklumat Diri

Nama Penuh: Prof. Dr. Zalinda Othman

Alamat Emel: zalinda@gmail.com

Jawatan: Deputy Director of Career UKM

Khusus: Combinatorial OptimizationIT in ManufacturingData Mining

Nombor Ofis: 389216734

Alamat Ofis: E-2-13, Blok E (Level 2), FTSM, UKM

Kata Laluan: 123456

**KEMASKINI**

Rajah 5.12 Paparan Maklumat Diri Kakitangan

**KAKITANGAN**

zalista@gmail.com

### Kemaskini Maklumat diri

Nama Penuh  
Prof. Dr. Zalinda Othman

Alamat Emel  
zalinda@gmail.com

Jawatan  
Deputy Director of Career UKM

Khusus  
Combinatorial OptimizationIT in ManufacturingData Mining


Nombor Ofis  
389216734

Alamat Ofis  
E-2-13, Blok E (Level 2), FTSM, UKM


Kata Laluan  
\*\*\*\*\*

**KEMASKINI** **BATAL**

Rajah 5.13 Kemaskini Maklumat Diri Kakitangan



Rajah 5.14 Senarai Pelajar Yang Berdaftar Dalam Sistem



Rajah 5.15 Daftar Pelajar Baru

**EDIT Admin Profile**

Nama Penuh  
Sasha

Email  
A172349@siswa.ukm.edu.my

Alamat Rumah  
NO. 39 JALAN 3/1 TAMAN KOSAS

Nombor Telefon  
126241920

Tarikh Lahir  
14/02/1997

Tahun Pengajian  
4

Fakulti Pengajian  
ftsm

Kurs Pengajian  
sels

Kata Laluan  
\*\*\*\*\*

**KEMASKINI** **BATAL**

Copyright © Your Website 2019

Rajah 5.16 Kemaskini Maklumat Pelajar

**Adakah anda pasti?**

Sila tekan "Log Keluar" di bawah jika anda sudah bersedia untuk log keluar.

**Batal** **Log Keluar**

**Senarai Pelajar**

Senarai pelajar yang telah berdaftar ke dalam sis...

**Daftar Pelajar**

ID	Nama Penuh	Alamat Emel	Fakulti Pengajian	Kemaskini	Padam	Lihat Keputusan
9	Sasha	A172349@siswa.ukm.edu.my	ftsm	KEMASKINI	PADAM	KEPUTUSAN
10	Andrea	A123456@siswa.ukm.edu.my	fperubatan	KEMASKINI	PADAM	KEPUTUSAN
11	Andrea	A123456@siswa.ukm.edu.my	fperubatan	KEMASKINI	PADAM	KEPUTUSAN
12	Iman Aqilah	A111111@siswa.ukm.edu.my	ftsm	KEMASKINI	PADAM	KEPUTUSAN
14	Eznyra	eznyra@gmail.com	fep	KEMASKINI	PADAM	KEPUTUSAN
22	Adriana	adriana@gmail.com	farmasi	KEMASKINI	PADAM	KEPUTUSAN
23	Noor Liyana	noorliyana@gmail.com	fep	KEMASKINI	PADAM	KEPUTUSAN

Rajah 5.17 Log Keluar Kakitangan



## 6 Kesimpulan

Pelaksanaan projek ini adalah untuk memudahkan proses menjawab soalan kerjaya yang sebelum ini dilalukukan secara manual. Pembangunan Sistem Profil Kerjaya UKM ini memadan objektif-objektif yang dicadangkan sebelum ini seperti yang dinyatakan dalam bab I. Akhirnya, semoga Sistem Profil Kerjaya UKM ini memberi manfaat kepada pelajar dan kakitangan UKM khususnya dan menjadi pemangkin bagi menggalakkan pembangunan sistem atas talian ke semua bidang lain pada masa akan datang.

## 7 RUJUKAN

<https://study.com/academy/lesson/input-processing-output-feedback-information-system-components.html>

<https://pusher.com/tutorials/multiple-authentication-guards-laravel>

<https://www.resumehelp.com/resources/articles/preparation/25-career-preparation-tips>

<https://eller.arizona.edu/programs/undergraduate/professional-development/career-preparation>